

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan Empat di Negeri Kelantan dari segi pencapaian objektif kurikulum, kaedah mengajar, masalah pelaksanaan serta sikap guru terhadap subjek ini.

Kajian ini dijalankan dalam bentuk soal selidik yang terdiri daripada 105 orang guru pendidikan jasmani dari tiga buah daerah di negeri Kelantan yang melibatkan 15 buah sekolah menengah.

Hasil kajian menunjukkan 90.5 % guru opsyen lain diberi tugas mengajar pendidikan jasmani (PJ). Manakala daripada enam objektif kurikulum PJ, didapati tiga daripadanya mencapai objektif termasuklah meningkatkan taraf kesihatan dan kecergasan pelajar, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti PJ adalah secara aktif, riang dan selamat.

Kaedah perintah dan arahan adalah paling kerap digunakan oleh guru PJ (74.2 %). Manakala kaedah lawatan, projek, inkuiri penemuan dan penyelesaian masalah adalah amat jarang dan tidak pernah digunakan dalam pengajaran PJ. Ini kerana guru tersebut tidak berpengalaman menggunakan kaedah ini dalam mata pelajaran PJ.

Dapatan kajian juga menunjukkan hampir keseluruhan masalah-masalah dalam melaksanakan kurikulum pendidikan jasmani adalah bukan merupakan perkara yang serius mengikut pandangan dan pengalaman guru pendidikan jasmani tingkatan empat.

Dari segi persepsi guru pula, hasil kajian mendapati guru memberikan sikap positif dan sokongan terhadap mata pelajaran pendidikan jasmani, walau bagaimanapun subjek ini membebankan mereka, perasaan jemu dan bosan wujud di kalangan mereka kerana subjek ini bukannya opsyen mereka.